


KERATAN: Utusan Malaysia TARIKH: 5/3/2012
→ Fail Budaya Etnik Sabah M/S: (26)
SAB - A0395/12

Sepak manggis budaya unik Sabah



MADRI Jamin mengikat bekas manggis yang akan digantung pada hujung buluh sebelum permainan sepak manggis dimulakan pada majlis keramaian di Kota Belud, Sabah, baru-baru ini.

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**
utusanabah@utusan.com.my

KOTA BELUD 4 Mac - Mendengar nama sepak manggis pastinya mereka yang bukan berasal dari Sabah merasakan ia berkaitan dengan buah manggis.

Namun sebenarnya ia sama sekali tiada kaitan dengan buah tempatan itu. Ini kerana ia merupakan permainan tradisi masyarakat Bajau dan Iranun khususnya semasa majlis keramaian seperti perkahwinan.

Permainan ini dipanggil sepak manggis kerana pemain perlu menyepak bola takraw ke arah bekas hiasan yang dipanggil bekas manggis dalam bahasa Iranun dan Bajau.

Menurut **Madri Jamin**, 35, permainan unik itu dimainkan di luar rumah di mana bekas manggis berkenaan digantung dengan buluh setinggi kira-kira 10 meter.

Bagaimanapun, katanya, bagi kumpulan kanak-kanak dan wanita, ketinggian bekas manggis berkenaan adalah berbeza dan lebih rendah.

"Setiap pemain yang terdiri daripada dua orang bagi satu kumpulan akan menyepak bola sepak raga ke sasaran bekas manggis di mana setiap sudut sepak manggis yang terkena bola takraw mempunyai markah tertentu.

"Kemudian pemenang yang berjaya mengutip mata paling tinggi akan menerima hadiah berupa wang tunai, barang atau makanan yang terdapat di dalam bekas itu," katanya.

Dalam pada itu katanya, dalam sesuatu majlis perkahwinan sepak manggis ini akan diadakan di kawasan lapang berhampiran rumah pengantin.

"Biasanya sebelum dimainkan mempelai lelaki dan perempuan akan merasmikannya dengan berjalan mengelilingi tiang buluh itu, bersama pengapit-pengapit mereka sebanyak tujuh kali.

"Selepas itu pengantin lelaki akan menyepak bola takraw yang dibalingkan oleh pengantin perempuan sebagai tanda merasmikan permainan itu," katanya.

Jelasnya, permainan itu boleh dibuat sepanjang hari dan ada yang melibatkan hadiah wang tunai lumayan yang disediakan pihak pengantin lelaki.

Sementara itu, Madri berkata, selain sepak manggis masyarakat Bajau turut bermain boling buah kelapa bagi meraikan majlis perkahwinan.

"Permainan ini biasanya menggunakan buah kelapa sebagai bola boling yang akan dibalingkan ke arah botol yang disusun seperti permainan boling," katanya.

Dalam pada itu, pengkaji sejarah Bajau dan Iranun, **Mabulmaddin Shaidin** berkata, sejarah permainan itu bermula sebagai permainan golongan pendekar dan bangsawan.

"Pada masa dahulu pendekar yang kebal menyepak parang ke sasaran bekas manggis sehingga parang berkenaan tercacak di bekas manggis berkenaan.


"Kemudian permainan ini terus berkembang ke seluruh pelosok kampung di mana penduduk kampung menggunakan bola sepak raga untuk permainan ini," ujarnya.

Katanya, permainan yang mempunyai unsur budaya unik itu bukan sahaja memeriahkan sesuatu majlis malah memupuk semangat perpaduan serta mengeratkan silaturahim antara anggota masyarakat.


"Ia merupakan warisan turun-temurun dan harus diteruskan, dipromosi dan diwarisi oleh generasi muda di negeri ini," ujarnya.

Pemenang yang berjaya mengutip mata paling tinggi akan menerima hadiah berupa wang tunai, barang atau makanan yang terdapat di dalam bekas manggis

MADRI JAMIN



UM- 5/3/12 (26)



PERMAINAN sepak manggis turut disertai oleh kanak-kanak tetapi kedudukan bekas manggis lebih rendah.

UM- 5/3/12 (26)

SETIAP pemain akan menyepak bola takraw ke bekas manggis yang tergantung pada buluh setinggi 10 meter. Setiap sudut yang terkena bola takraw mempunyai markah tertentu.



Permainan tradisi masyarakat Bajau, Iranun

pada majlis keramaian, perkahwinan

0